

TARIKH : 26 OKTOBER 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 35

**Digital: NEC Malaysia, MyDIGITAL jalin kerjasama**

# Digital: NEC Malaysia, MyDIGITAL jalin kerjasama

**PETALING JAYA:** Syarikat IT dan teknologi rangkaian terkemuka NEC Corporation of Malaysia Sdn. Bhd. (NEC Malaysia) bakal bekerjasama dengan MyDIGITAL Corporation bagi membangun infrastruktur serta tenaga kerja digital.

Pengarah Urusan NEC Malaysia, Chong Kai Wooi berkata, kerjasama dengan MyDigital Corporation membolehkan NEC Malaysia menyokong syarikat pelbagai sektor dengan pengetahuan digital dan kepakaran bagi membina ketahanan dan daya saing untuk negara.

Menurut beliau, kerjasama berkenaan juga bakal menyaksikan usaha NEC Malaysia dan MyDIGITAL dalam melatih semula pekerja dengan kemahiran digital yang berkaitan melalui bengkel di samping menyediakan program dan latihan amali yang tertumpu kepada kemahiran digital untuk pelajar pengajian tinggi dan vokasional.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed menyaksikan majlis pertukaran dokumen kerjasama antara NEC Malaysia dan MyDIGITAL.**

“Ketika Malaysia mencapai matlamatnya untuk mendigitalkan ekonominya, kita mesti memastikan tiada sektor manapun sesiapa sahaja ketinggalan.

“Kami juga akan meny-

diakan akses kepada rakyat Malaysia dalam program ke-mahiran semula dan latihan supaya mereka mempunyai kemahiran digital yang diperlukan dalam tenaga kerja hari ini,” katanya dalam kenyataan.